

# PTPTN perlu dana RM2.5b

Perjanjian dengan Amlslamic Bank bermatlamat memastikan kelestarian pengurusan kewangan

**B**erapakah yang diperlukan oleh PTPTN untuk menampung pinjaman bagi 2010?

PTPTN memerlukan dana pinjaman pendidikan sebanyak RM2.5 bilion bagi menampung keseluruhan keperluan sehingga Disember 2010.

Sehingga kini, jumlah keseluruhan pinjaman yang diluluskan kepada pelajar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta sehingga November 2009 ialah 1.45 juta pinjaman dengan jumlah peruntukan RM31.17 bilion.

Mengapakah PTPTN perlu mencari dana sendiri dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kerajaan?

Sebelum ini, kerajaan yang memberi sumbangan untuk membantu PTPTN dalam menyediakan keperluan pembiayaan pinjaman pendidikan tinggi.

Sejak ditubuhkan pada 1997 hingga 2002, PTPTN

**P**ERBADANAN Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan bekerjasama dengan bank tempatan untuk mencari dana sendiri bagi membiayai kos pendidikan mahasiswa di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Terbaru, PTPTN bekerjasama dengan Amlslamic Bank Bhd yang menyediakan pembiayaan berjangka Bai'Inah RM1.5 bilion bagi memenuhi dana pendidikan untuk disalurkan kepada 166,116

permohonan baru menjelang April 2010.

Sebelum ini, PTPTN telah bekerjasama dengan CIMB Bank untuk tujuan yang sama.

Ikuti pandangan Pengerusi PTPTN, Datuk Dr Mohamad Shahrum Osman (*gambar*) kepada wartawan *Bisnes Metro*, **HATIPAH AHMAD** mengenai usaha PTPTN untuk mencari dana bagi menyediakan kemudahan pembiayaan kepada pelajar IPT tempatan swasta dan awam.



sudah menerima geran RM5 bilion daripada kerajaan dan bermula 2003, PTPTN tidak lagi menerima peruntukan kerajaan dan perlu mendapatkan sumber kewangan sendiri.

Sumber pertama kami sebanyak RM13 bilion iaitu

RM12.5 bilion dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan RM500 juta dari Kumpulan Wang Amanah Pecen (KWAP) yang diberi secara berperingkat mulai 2003 hingga akhir 2008.

Justeru, bagi memastikan kelestarian pembiayaan yang

diperlukan pada tahun depan, urusan peminjaman dibuat bersama dengan institusi kewangan yang menawarkan pakej tawaran pembiayaan terbaik.

**Bagaimana dengan prestasi bayaran balik pinjaman PTPTN?**

Prestasi bayaran balik pinjaman sehingga November lalu menunjukkan peningkatan menggalakkan. Ia adalah hasil kerja kuat pegawai PTPTN dalam usaha mendapatkan semula pinjaman berkenaan.

Kami menggunakan pendekatan lembut dalam usaha menggalakkan bekas pelajar membayar balik pinjaman pendidikan supaya dana itu dapat digunakan semula oleh pelajar lain.

Pendekatan itu membawa kepada tanggungjawab menyedarkan mereka mengenai kepentingan membayar balik pinjaman dan pada masa sama mewujudkan perasaan suka atau seronok untuk membuat bayaran balik.

Hasilnya, prestasi bayaran balik sehingga November 2009 menunjukkan peningkatan menggalakkan dan menerusi aktiviti tindakan penguatkuasaan yang teratur, ia membolehkan sejumlah RM1.5 bilion atau 47.73

peratus bayaran balik pinjaman diterima daripada 532,000 pinjaman.

**Bagaimana pula dengan tindakan menghalang peminjam yang gagal membayar daripada keluar negara?**

Langkah itu adalah langkah terakhir kami mendapatkan semula pinjaman yang sudah diberi kepada mereka. Ia dilakukan selepas kami memberi banyak peluang seperti menghantar surat peringatan dan amaran.

Biasanya, mereka tidak mengendahkan surat berkenaan dan kami terpaksa melaksanakan langkah ini (menghalang keluar negara) untuk membolehkan PTPTN mendapatkan semula pinjaman berkenaan.

Hakikatnya, peminjam perlu sedar adalah menjadi satu tanggungjawab untuk mereka membayar balik pinjaman supaya ia boleh digunakan untuk menampung kos pendidikan pelajar lain pula.